



Kerjasama HCTM UKM dan kipleLive menyasarkan untuk menangani prosedur keselamatan fizikal dengan segera.

Digitalisasi permudah operasi HCTM UKM

Perkukuh kedudukan menerusi SOP, garis panduan baharu tangani COVID-19

Ketika kemuncak pandemik, siri ambulans memecah kesunyian jalan raya. Hospital bagaikan menjadi 'medan perang'. Pegawai perubatan beradu nasib merawat pesakit di hospital.

Selain menjadi lokasi untuk menampung ramai pesakit setiap hari, hospital juga menjadi tempat penularan wabak COVID-19.

Secara asasnya, hospital mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dan garis panduan baharu yang ketat, namun keadaan sukar diduga.

Secara tradisinya, operasi hospital membabitkan banyak kertas kerja termasuk kerja manual. Dengan prosedur keselamatan berada pada tahap lebih tinggi, ia bermakna proses pendaftaran lebih perlahan dan turut menyebabkan lambakan dalam pendaftaran.

Selain itu, pengendalian tirai fizikal di hospital dianggap sebagai pembawa penularan COVID-19.

Sejak beberapa bulan lalu, Hospital Casselle Tuanku Muhriz UKM (HCTM) (dahulunya dikenali sebagai HUKM) secara manual memperkukuhkan kedudukannya menerusi SOP dan garis panduan baharu untuk menangani musuh yang tidak dapat dilihat,

iaitu COVID-19.

Dengan kapasiti tahunan penerimaan pesakit berjumlah 40,000 orang, HCTM UKM menjadi antara hospital utama menangani pesakit COVID-19.

Kali ini, hospital berkenaan memertingkatkan tahap digital menerusi kerjasama dengan kipleLive, penyedia penyelesaian keselamatan berasaskan komuniti dan kiple'ay yang juga penyelesaian pembayaran tanpa tunai.

Kedua-dua entiti itu adalah anak syarikat Green Packet Bhd, syarikat teknologi maklumat dan komunikasi.

Menerusi kerjasama itu, ia menyasarkan untuk menangani prosedur keselamatan manual dengan segera.

Pertama, prosedur keselamatan yang dilaksanakan adalah panjang dan membebankan. Sebelum pendigitalan, ia memerlukan dua pautan di pintu masuk.



Pengimbas haba kipleLive ditempatkan di semua pintu masuk hospital dan mengimbas suhu badan dengan Ai Face Recognition.

Satu pautan untuk mengambil bacaan suhu secara manual dan satu pautan lagi merekodkan catatan. Pesekt dengan suhu yang dicatatkan diberikan kepada orang yang memasuki hospital.

Biasanya, hospital mengirayai beberapa pintu masuk, jadi mereka memerlukan lebih ramai tenaga kerja. Satu lagi pautan pendaftaran adalah menerusi atau kertas dengan maklumat sama diperlukan di lobi hospital selepas mematuhi prosedur.

Langkah ini untuk pengesanan ketatan dan mungkin tidak berfungsi sekiranya berlaku kehilangan kertas berkenaan atau berlaku perubahan pada saat akhir yang memerlukan pegawai perubatan pergi ke tingkat berbeza berbanding apa yang diperlukan.

Dibandingkan dengan kerangka

lulusan dalam untuk pencegahan pandemik, kipleLive turut merangkumi pengimbas haba kecerdasan buatan (AI), permbinaan dalam talian untuk pengguna dan platform sokongan kepada pihak pengurusan.

Hospital kini dapat mematuhi SOP ketat yang digariskan oleh kerajaan dengan mudah. Ia juga membolehkan hospital memperoleh data jejak kemalan yang tepat semasa beroperasi dengan kapasiti penuh.

Pengimbas haba kipleLive pula mempersempatkan proses pendaftaran secara automatik.



Dengan pelaksanaan digitalisasi, kakitangan, pegawai perubatan, pelawat dan pesakit akan menerima kod QR dan memerlukan mereka mengisi borang secara dalam talian sebelum memasuki bangunan.

Pengimbas haba kipleLive ditempatkan di semua pintu masuk hospital dan mengimbas suhu badan dengan Ai Face Recognition.

Rekod digital diperoleh dengan QR Profile Check In. Semua ini dilakukan dalam beberapa saat. Semua orang boleh meneruskan aktiviti di dalam bangunan seperti biasa.

